



**MALAYSIAN SOCIETY OF  
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**  
Est. 1982



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 02/2024

### “10<sup>th</sup> SOUTHEAST ASIAN AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERING STUDENT CHAPTER ANNUAL REGIONAL CONVENTION 2024 (ARC2024)”

MSAE dengan kerjasama pihak UniMAP sebagai host telah mengadakan program ARC2024 bertempat di UniMAP pada 10 hingga 16 Mei 2024. ARC2024 kali ini melibatkan 17 universiti dan kolej dari Malaysia, Indonesia dan Thailand.



Gambar 1: Peserta ARC2024



Gambar 2: Aktiviti ARC2024

### KONVENSYEN KEBANGSAAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN MAKANAN (NAFEC) 2024

Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2024 yang merupakan penganjuran edisi kali ke-7 telah dianjurkan oleh Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) bersama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai penganjur lokasi pada 15 dan 16 Mei 2024 bertempat di UniMAP, Perlis. Bertemakan "Pertanian Digital: Memacu Inovasi Kelestarian Pengeluaran Agromakanan", konvensyen ini telah berkerjasama dengan 14 penganjur bersama yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan universiti awam. Konvensyen telah dirasmikan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Konvensyen yang diadakan telah berjaya menggabungkan ahli akademik, pengamal undang-undang, ahli industri serta individu dalam bidang kejuruteraan pertanian dan makanan di Malaysia iaitu seramai 215 orang yang terlibat sebagai pembentang dan peserta.



Gambar 3: Gambar perasmian NAFEC 2024 oleh YB. Datuk Arthur Joseph Kurup



Gambar 4: Sesi bergambar Bersama YB. Datuk Arthur Joseph Kurup

### ANUGERAH MSAE DAN ANUGERAH TESIS MSAE 2023

Sempena NAFEC 2024, Anugerah MSAE (Agricultural Extension Award- Prof. Madya Dr. Nazmi dan Agricultural Innovation Award-En. Zulkifli Hj. Haron) telah diberikan sebagai suatu usaha menghargai dan mengenang penglibatan, jasa dan sumbangan individu dalam bidang kejuruteraan pertanian dan makanan. Anugerah Tesis Terbaik MSAE 2023 juga telah dianjurkan pada NAFEC 2024, bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada 9 orang siswazah kategori Bachelors, Masters dan Doctoral (PhD) yang telah cemerlang dan berjaya memperkasa kajian dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan pertanian atau makanan.



Gambar 5: Penyampaian Anugerah MSAE kepada Prof. Madya Dr. Nazmi



Gambar 6: Penyampaian Anugerah MSAE kepada En. Zulkifli Hj. Haron



Gambar 7: Penyampaian Anugerah Tesis Terbaik MSAE 2023

### SELAMAT HARI RAYA AIDIL ADHA 10 ZULHIJAH 1445H

Presiden dan exco MSAE sesi 2023/205 ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha 1445H.



Gambar 8: Poster ucapan Salam Aidil Adha

### PROMOSI PENDAFTARAN KEAHLIAN PERSATUAN JURUTERA PERTANIAN DAN MAKANAN MALAYSIA (MSAE)

Promosi pendaftaran keahlian MSAE pada kadar tarif yang lama sehingga 31 Mei 2024. Ini kerana mengikut Perlembagaan MSAE 2020 Pindaan ke-2 2024, keahlian MSAE akan berubah bagi setiap kategori keahlian MSAE berkuatkuasa 1 Jun 2024.

	Yuran Keahlian (RM)	Berkuatkuasa 1 Jun 2024 (RM)
Berkahwin	30	70
AS	40	100
Profesional	60	180
Felak	80	180
Industri	80	180

Gambar 9: Poster promosi pendaftaran ahli MSAE

### ANUGERAH HIJAU MSAE-SC (UPM) 2024

Anugerah Hijau MSAE-SC (UPM Serdang) 2024 telah dianugerahkan kepada Ainnur Solehah binti Amat Ali yang merupakan pelajar tahun akhir Bachelor Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem yang cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum. Anugerah telah disampaikan oleh Ts. Dr. Muhammad Hazwan Hamzah (Timbalan Presiden Pentadbiran MSAE 2023/2025) pada 22 Jun 2024 yang lepas ketika majlis KBP Casual Night Out.



Gambar 10: Penyampaian Sijil bagi Anugerah Hijau MSAE-SC (UPM)